

MAJLIS PENGHARGAAN BAKAT PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4439-majlis-penghargaan-bakat-pangkalan-udara-butterworth

BUTTERWORTH, 27 Jan 19 - Pengerusi BAKAT PU Butterworth, Puan Nur Shahidaa binti Abdullah bersama-sama dengan 139 ahli BAKAT Udara telah berjaya melaksanakan majlis penghargaan di Hotel Sunway Seberang Jaya, Pulau Pinang.



Majlis ini diadakan bertujuan menghargai jasa dan khidmat bakti Ketua-ketua BIRO, Pegawai Penyelaras BAKAT dan juga ahli BAKAT Pangkalan yang bertungkus lumus menjayakan aktiviti BAKAT sepanjang tahun 2018 disamping memberi anugerah kepada ahli-ahli BAKAT yang aktif sepanjang tahun serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama ahli BAKAT Pangkalan.



Majlis penghargaan ini turut meraikan 2 Ketua BIRO daripada Pangkalan Udara Butterworth yang bertukar keluar iaitu Puan Rozanita bt Awang dan Puan Siti Normala bt Mohd Yatin.

